

**ETNOSENTRISME DALAM SYAIR-SYAIR PERANG
MELAYU-BELANDA**

Oleh

ZUBIR IDRIS

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

2010

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya, tesis ini dapat disempurnakan. Semoga usaha penulisan ini diterima sebagai ibadah untuk memperkayakan ilmu dan mendapat keredhaan-Nya.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Dr. Jelani Harun selaku penyelia utama dan Prof. Madya Dr. Noriah Taslim selaku penyelia bersama kerana tidak pernah jemu membimbing, memberi tunjuk ajar dan mengemukakan cadangan-cadangan yang tidak ternilai harganya sepanjang proses penghasilan tesis ini. Segala komitmen dan perhatian yang ditunjukkan itu telah memberi dorongan kepada pengkaji untuk terus gigih berusaha menyempurnakan kajian ini.

Penghargaan turut diberikan kepada kakitangan Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPBKKM), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (khususnya di Program Persuratan Melayu) dan juga kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan bantuan yang berbentuk akademik dan bukan akademik. Dalam kesempatan ini, pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM), Perpustakaan Hamzah Sendut (USM), dan Perpustakaan Negara Malaysia yang telah sudi membantu pengkaji daripada segi pemberian maklumat dan bahan berhubung dengan kajian ini.

Setinggi-tinggi terima kasih dirakamkan buat Cik Rohaya Umar, Prof. Nur Hashimah Jalaluddin, Prof. Ungku Maimunah Mohd Tahir, Prof. Dato' Siti Hawa Hj. Salleh, Prof. Solehah Ishak, Dr. Shaiful Bahri Md.Radzi, Kak Lim, Kak Imah, Kak Ina, dan ahli-ahli ISDEV, yang telah menghulurkan bantuan dan sokongan. Terima kasih juga diucapkan buat rakan-rakan – Shara, Ati, Wan, Ardi, Izzat, Koko, Mahmoud, Wahyu dan lain-lain atas sumbangan idea dan pertolongan sepanjang tempoh pengajian yang telah dilalui.

Terima kasih juga dirakamkan buat adik-adik, teristimewanya Zul dan keluarga, Bad, Azmir, Haziq, Zam, Mie dan Kama, dan juga para pelajar Program Persuratan Melayu UKM (sesi 2008-2010) yang sentiasa membekalkan kegembiraan semasa menempuh ujian yang getir ini.

Penghargaan paling istimewa dan rasa terima kasih tidak terhingga buat seluruh ahli keluarga, Abu, Ustaz Zulfiqar dan rakan-rakan di Dayah Ruhul Fata, Seulimeum, Acheh atas doa restu, dorongan dan sokongan sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Akhirnya kepada sesiapa sahaja yang membantu tetapi tidak disebutkan di sini, ucapan setinggi terima kasih juga pengkaji hulurkan. Semoga segala bantuan yang diberikan oleh kalian semua mendapat ganjaran dan rahmat daripada-Nya,...Amin!

Zubir Idris
Universiti Sains Malaysia
2010

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iii
Daftar Jadual	v
Daftar Peta	vi
Daftar Gambar	vii
Daftar Rajah	viii
Daftar Singkatan	ix
Daftar Lampiran	x
Abstrak	xi
Abstract	xii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Tujuan Kajian	8
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	10
1.5 Skop Kajian	11
1.6 Metodologi Kajian	25
1.7 Kajian Lepas	27
1.8 Organisasi Tesis	37
BAB 2: SYAIR PERANG DALAM MASYARAKAT MELAYU	40
2.1 Syair Sejarah	41
2.2 Peranan Syair dan Keberkesanannya	48
2.3 Koleksi Syair-Syair Perang Melayu	55
BAB 3 : KONSEP ETNOSENTRISME DAN NASIONALISME	87
3.1 Etnosentrisme	90
3.2 Nasionalisme	118

BAB 4 : ASPEK PENSEJARAHAN	127
4.1 Latar Belakang Sejarah Hubungan Melayu – Belanda	127
4.2 Syair-Syair Perang Melayu Yang Melibatkan Belanda	141
4.2.1 Latar Belakang <i>Syair Perang Mengkasar</i>	144
4.2.2 Latar Belakang <i>Syair Peperangan Aceh</i>	147
4.2.3 Latar Belakang <i>Syair Perang Menteng (Syair Perang Muntinge)</i>	150
BAB 5 : ANALISIS ETNOSENTRISME	155
5.1 Maruah	156
5.2 Semangat Cintakan Tanah Air	187
5.3 Sumpah Setia Raja-Rakyat	208
5.4 Semangat Patriotisme	226
5.5 Semangat Jihad	252
BAB 6 : KESIMPULAN	277
BIBLIOGRAFI	283
LAMPIRAN	297

Daftar Jadual

	Halaman
Jadual 1 Senarai kajian-Kajian Yang Melibatkan Syair Perang	85
Jadual 2 Senarai Syair-Syair Berdasarkan Kronologi Tahun Peristiwa Peperangan Berlaku	86

Daftar Peta

	Halaman
Peta 1 Dunia Melayu Polinesia	17
Peta 2 Ranah Asli Bahasa Melayu	19
Peta 3 Kedudukan Wilayah Syair-Syair Perang Yang Dikaji	22

Daftar Gambar

	Halaman
Gambar 1 Halaman Naskhah <i>Syair Perang Johor</i>	58
Gambar 2 Halaman Tengah Naskhah <i>Syair Perang Kelantan</i>	67
Gambar 3 Halaman Akhir Naskhah <i>Syair Perang Kelantan</i>	68
Gambar 4 Halaman Naskhah <i>Syair Pangeran Syarif Hasyim</i>	70
Gambar 5 Halaman Pertama Naskhah <i>Syair Sultan Maulana</i>	76
Gambar 6 Halaman Akhir Naskhah <i>Syair Sultan Maulana</i>	77
Gambar 7 Kulit Buku <i>Syair Perang Rokam</i>	83
Gambar 8 Halaman Pertama Naskhah <i>Syair Perang Rokam</i>	84
Gambar 9 Faksimili Naskhah <i>Syair Perang Mengkasar</i>	146
Gambar 10 Faksimili Naskhah <i>Syair Perang Mengkasar</i>	146
Gambar 11 Halaman Pertama Naskhah <i>Syair Perang Menteng</i>	152
Gambar 12 Halaman Akhir Naskhah <i>Syair Perang Menteng</i>	153
Gambar 13 Halaman Pertama Naskhah <i>Syair Perang Muntinghe</i>	154

Daftar Rajah

	Halaman
Rajah 1 Ciri-ciri bangga bangsa yang membentuk etnosentrisme Melayu	280

Daftar Singkatan

dIm.	Dalam
hIm.	Halaman
JMBRAS	<i>Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society</i>
MSS	Manuskrip
pngr.	Penyelenggara
pnyt	Penyunting
PPBKKM	Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
r.a	Radiallahu Anhu
SAW	Sallahu Alaihi Wasallam
SPA	<i>Syair Peperangan Aceh</i>
SPM	<i>Syair Perang Mengkasar</i>
SWT	Subhanahu Wa Ta'ala
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

Daftar Lampiran

	Halaman
Lampiran 1 Deskripsi Syair-Syair Perang Melayu	297
Lampiran 2 Teks Syair Perang Rokam	304
Lampiran 3 Foto William Graham Sumner	307
Lampiran 4 Medan Makna Etnosentrisme (<i>Syair Perang Mengkasar</i>)	308
Lampiran 5 Medan Makna Etnosentrisme (<i>Syair Peperangan Aceh</i>)	311
Lampiran 6 Medan Makna Etnosentrisme (<i>Syair Perang Menteng</i>)	312

ETNOSENTRISME DALAM SYAIR-SYAIR PERANG MELAYU-BELANDA

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan pemahaman etnosentrisme dalam syair-syair perang Melayu-Belanda khususnya *Syair Perang Mengkasar*, *Syair Peperangan Aceh* dan *Syair Perang Menteng*. Etnosentrisme di sini merujuk kepada riak-riak penentangan awal masyarakat peribumi terhadap penjajah sebelum zaman kolonial. Kajian ini membicarakan konsep etnosentrisme Melayu, ciri-ciri yang membentuknya, dan juga cara pengarang mengungkap serta menampilkan konsep dan ciri etnosentrisme tersebut dalam karya mereka. Sebagai kerangka konseptual, kajian memanfaatkan idea William Graham Sumner yang mendefinisikan etnosentrisme sebagai kecenderungan melihat serta menilai kebudayaan sendiri lebih tinggi daripada kebudayaan orang lain. Untuk merungkai teks, kajian memanfaatkan analisis intrinsik dan ekstrinsik. Bagi analisis intrinsik, kajian meneliti aspek tema dan persoalannya, kekuatan kebahasaan seperti penggunaan metafora, perbandingan, perlambangan serta pemilihan diksi, dan bagaimana perkara-perkara tersebut diaplikasikan oleh pengarang silam bagi menggambarkan etnosentrisme etnik Melayu Nusantara. Selain itu, juga dilihat tujuan syair dikarang, seperti yang tersulam dalam teks. Di samping itu, teks juga ditempatkan dalam konteks beberapa aspek penting budaya masyarakat yang melahirkannya seperti konsep adat, maruah, daulat dan sebagainya. Kajian menemukan lima faktor penting yang secara khusus mencirikan etnosentrisme Melayu iaitu faktor maruah, semangat cintakan tanah air, sumpah setia raja-rakyat, semangat patriotisme dan semangat jihad fisabilillah. Seterusnya, melampaui lima faktor tersebut, jelas faktor agama Islam merupakan tunjang yang berperanan sebagai pendorong kuat dalam usaha membangun serta mengentalkan etnosentrisme dalam kalangan etnik-etnik yang dikaji secara khusus, dan etnik Melayu secara amnya. Ternyata lima faktor tersebut, yang mencirikan etnosentrisme Melayu, adalah juga sifat induk Melayu yang mendasari masyarakat Melayu. Daripada aspek penulisan, pengarang teks telah memanfaatkan metafora, hiperbola, perbandingan serta perlambangan yang tertentu untuk mengangkat dan meletakkan etnik masing-masing iaitu etnik Makasar, Aceh dan Palembang secara khusus dan etnik Melayu secara umumnya, pada kedudukan yang tinggi dan mengatasi etnik seteru. Kecenderungan menilai etnik sendiri lebih hebat daripada etnik lain, jelas merupakan strategi dalam menyerlahkan etnosentrisme Melayu dalam teks-teks yang dikaji.

ETHNOCENTRISM IN MALAY-DUTCH WAR SYAIR

ABSTRACT

This study explores the notion of ethnocentrism in Malay-Dutch war *syair*, in particular *Syair Perang Mengkasar*, *Syair Peperangan Aceh* and *Syair Perang Menteng*. Ethnocentrism here refers to an early reaction towards colonial invasion that had existed among the Malays before the onset in the Malay world of colonial rule proper. The study discusses the concept and characteristics of Malay ethnocentrism, and the authors' writing strategies to foreground them. It adopts as its conceptual framework William Graham Sumner's definition of ethnocentrism that points to a disposition to regard one's culture as superior to those of others. Coupled with this definition, the study undertakes both intrinsic and extrinsic analyses of the texts studied. Firstly, the intrinsic analysis focuses on language features such as metaphors, comparisons, symbols, and diction, and their qualitative use in the texts to portray the ethnocentrism of the Nusantara Malays. Further, it also examines such concerns as the background to the texts, the themes and issues raised, and the factors that contribute to the texts' composition. The extrinsic analysis, on the other hand, locates the texts within the cultural environment that produces them. The study highlights five main factors that characterise Malay ethnocentrism namely the notion of pride and self-worth, the love of one's country, the pledge of loyalty between ruler and the ruled, the spirit of patriotism and Islamic religious fervour. Clearly, religious fervour is the overarching force that initiates, develops, and consolidates ethnocentrism among the various Malay ethnics. Indeed, the five factors highlight archetypal characteristics of Malay society as a whole. From the perspective of writing-style, the authors foreground fervent ethnocentrism by positioning the Malay ethnic over and above their enemies. The tendency to emphasise their superiority compared to their enemies is clearly a strategy favoured by the authors in order to throw into sharp relief Malay ethnocentrism in the texts studied.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Karya-karya pensejarahan Melayu (historiografi Melayu),¹ merupakan khazanah yang dibanggakan dan menjadi sumber rujukan dan penyelidikan. Selain daripada membicarakan persoalan-persoalan ketamadunan, martabat serta liku-liku perjalanan sejarah sesebuah kerajaan, ternyata karya-karya tersebut kaya dengan rakaman tentang sikap semangat cintakan tanah air Melayu. Hal ini ketara dilihat menerusi catatan dan gambaran yang mengisahkan tentang etnik peribumi Melayu yang berjuang menentang musuh, khususnya pihak penjajah bagi mempertahankan tanah air mereka. Pengalaman berabad-abad lamanya ditakluk dan dikuasai penjajah menyediakan satu ruang dan kesempatan kepada pengarang-pengarang silam untuk membangkitkan kesedaran dan ingatan kepada generasi mendatang tentang sejarah perjuangan nenek moyang mereka.

¹ Karya-karya pensejarahan Melayu ini umumnya terbahagi kepada dua bentuk; prosa dan puisi (syair). Karya-karya yang berbentuk prosa secara umumnya memerihalkan sejarah sesebuah kerajaan sebelum kedatangan kuasa Barat. Bahagian permulaan cerita biasanya diperkaya dengan campuran mitos, dongeng dan imaginasi untuk memperjelas tentang rasional kewujudan atau asal-usul pembukaan negara kota dan juga asal usul jurai keturunan raja, manakala pada bahagian akhir penceritaan, pengkisahan lebih bersifat fakta. Contohnya seperti *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Misa Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Hikayat Banjar*, *Hikayat Aceh*, dan sebagainya. Karya-karya yang berbentuk puisi pula lebih banyak menceritakan kisah-kisah selepas kedatangan Barat. Karya-karya yang berbentuk puisi lebih bersifat “catatan semasa” (*chronicle*), yang mengisahkan sesuatu peristiwa yang tidak menggunakan ruang waktu yang panjang. Penceritaan dalam syair tidak lagi mengemblengkan unsur-unsur mitos dan dongeng, sebaliknya berdasarkan peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku dalam sejarah sesuatu masyarakat. Contohnya adalah seperti *Syair Perang Mengkasar*, *Syair Peperangan Aceh*, *Syair Sultan Maulana*, *Syair Perang Johor*, *Syair Perang Siak*, *Syair Perang Menteng*, *Syair Perang Inggeris di Betawi* dan lain-lain.

Seperti juga karya prosa sejarah, karya-karya sejarah yang dikarang dalam bentuk puisi terutama syair (khususnya syair yang bertemakan peperangan) tidak kurang pentingnya dalam menyumbangkan maklumat kepada para pengkaji. Maklumat tersebut termasuk hal-hal yang berhubungan dengan gambaran penentangan terhadap penjajah oleh masyarakat peribumi Nusantara. Penentangan tersebut jelas didukung sama ada oleh sikap semangat mencintai tanah air ataupun semangat bangga terhadap kesukuan masing-masing. Perkara ini dapat dijelaskan kerana syair-syair ini mendapat perhatian baik sarjana tempatan mahupun Barat, menerusi kajian-kajian dan penyelidikan yang telah dibuat mengenainya.

Era kedatangan kolonial Barat di Alam Melayu bermula dengan kedatangan Portugis, diikuti Belanda, Sepanyol dan Inggeris. Pertembungan pelbagai kuasa ini sesungguhnya mencetuskan konflik yang berpanjangan antara pihak penjajah dengan masyarakat peribumi. Peperangan dilihat sebagai jalan akhir, kemuncak respons masyarakat peribumi terhadap pengaruh asing ini, yang akhirnya membawa implikasi yang besar kepada kedua-dua pihak. Peristiwa ini banyak sekali terakam dalam syair-syair perang, hasil catatan rakaman anak tempatan yang terlibat atau menyaksikan sendiri peristiwa tersebut, yang diperolehi sama ada secara turun-temurun daripada sumber-sumber yang terdekat dengannya. Contohnya *Syair Perang Johor (konflik antara Aceh-Johor-Portugis)*, *Syair Perang Siak (Belanda-Siak)*, *Syair Perang Inggeris di Betawi (Inggeris-Belanda)*, *Syair Sultan Maulana (Kedah-Burma)*, *Syair Perang Cina di Monterado*, *Syair Kompeni Welanda Berperang Dengan Cina* dan *Syair Perang Wangkang (Belanda-Cina)*, *Syair Perang Mengkasar (Belanda-Melayu Makassar)*, *Syair*

Perang Kaliwungu (Belanda-Jawa) dan Syair Perang Menteng/Syair Perang Muntinghe (Belanda-Palembang) dan Syair Peperangan Aceh (Belanda-Aceh) dan lain-lain lagi.

Berbanding Belanda, hampir tidak terdapat syair-syair yang secara khusus mengisahkan peristiwa peperangan yang melibatkan masyarakat peribumi dengan orang Portugis di Alam Nusantara. Walaupun senario yang berlaku ini tidak dapat dikenal pasti puncanya, ini tidaklah bermakna tidak wujudnya semangat penentangan masyarakat peribumi terhadap pihak Portugis, yakni kuasa Barat yang dikatakan paling awal sekali tiba di rantau Nusantara. Hal ini dapat dikesan berdasarkan adanya beberapa episod pengkisahan yang memperlihatkan pertembungan tamadun antara dua pihak yang dimaksudkan, yakni penjajah dengan masyarakat yang dijajah (masyarakat peribumi) dalam cerita-cerita lisan di wilayah-wilayah yang berkaitan. Antara cerita lisan yang dimaksudkan ialah *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, *Hikayat Malim Dewa* dan *Cerita Bongsu Pinang Peribut*.

Menurut Hamka, cerita-cerita lisan seperti “Anggun Cik Tunggal” (di Minangkabau dikenali sebagai “Nan Tonggal Megat Djebang”), jelas dikarang untuk menunjukkan kekejaman orang Barat (Portugis). Dengan menggunakan susun kata yang penuh kiasan dan sindiran, cerita ini disebarkan dari mulut ke mulut, tentang bagaimana buruk dan jahatnya bangsa yang menjajah negeri Melayu.² Melalui cerita-cerita seperti “Anggun Cik Tunggal,” segala kekejaman orang Barat (Portugis) dapat diperlihatkan. Menurutny lagi :

² Hamka, *Dari Perbendaharaan Lama*, Percetakan Madju, Medan, 1963, hlm. 106.

Demikianlah, apabila bangsa kita telah berasa lemah, tak dapat melawan lagi, mereka perbuat ceritera. Di dalam ceritera itu diisikanlah sindiran dan rasa benci kepada musuh, dihinakan dan ditunjukkan kejahatannya, sehingga anak cucu mengerti, dan pada suatu masa kelak, ‘malu yang tercoreng di kening’ itu akan dapat dihapuskan juga dengan kedatangan ‘Nan Tonggal’³

Dalam hal ini, pengarang cerita-cerita lisan yang mewakili masyarakatnya dikesan cuba mengembalikan wibawa pada masyarakat yang diwakilinya, iaitu sebagai reaksi dan protes halus kepada pihak penjajah atau kuasa asing. Reaksi penentangan secara halus inilah yang banyak sekali dilihat terakam dalam syair-syair sejarah yang muncul kemudiannya. Riak-riak awal penentangan oleh sesuatu etnik terhadap ancaman kuasa asing yang diajukan secara halus tersebut dapatlah dikatakan sebagai asas kepada pembentukan konsep “etnosentrisme.”

Sehubungan itu, tulisan oleh William Graham Sumner dalam bukunya *Folkways* (1911) dimanfaatkan sebagai premis kajian ini bagi memperkatakan konsep etnosentrisme. Hal ini penting kerana beliau merupakan antara tokoh pemula yang membicarakan etnosentrisme daripada sudut pandangan disiplin sosiologi. Menurut Sumner :

*Ethnocentrism is the technical name for this view of things in which one's own group is the center of everything, and all others are scaled and rated with reference to it. Folkways correspond to it to cover both the inner and the outer relation. Each group nourishes its own pride and vanity, boasts itself superior, exalts its own divinities, and looks with contempt on outsiders. Each group thinks its own folkways the only right ones, and if it observes that other groups have other folkways, these excite its scorn.*⁴

³ Hamka, 1963, hlm. 108.

⁴ William Graham Sumner, *Folkways : A Study of The Sociological Importance of Usages, Manners, Customs, Mores, and Morals*, Ginn & Company Publishers, Boston, 1911, hlm. 13.

Berdasarkan definisi oleh Sumner tersebut, etnosentrisme merujuk pada pendirian sesuatu kelompok bahawa pandangan atau penilaiannya adalah tunjang segala-galanya dan menjadi titik rujukan kepada persepsi dan idea-idea orang lain. Etnosentrisme menggariskan kebudayaan sendiri adalah lebih tinggi daripada kebudayaan orang lain. Seterusnya, kebudayaan asing tersebut dinilai melalui kaca mata kebudayaan sendiri dan setiap aspek yang tidak sama atau berbeza daripada budaya sendiri akan dianggap sebagai suatu kelemahan.

Takrif etnosentrisme yang digagaskan oleh Sumner itu, iaitu kecenderungan fahaman dan pegangan sesuatu etnik terhadap kelebihan yang dimiliki oleh suku kaumnya, disokong oleh tulisan-tulisan kemudiannya. Anthony D. Smith dalam tulisannya memberi penafsiran yang hampir sama apabila memperkatakan fahaman etnosentrisme yang dianuti oleh sesuatu etnik. Menurutnya :

Bagi orang yang menganuti fahaman etnosentrisme, kedua-dua kuasa dan nilai adalah didapati dalam kumpulan budayanya yang dianggap sebagai bahtera untuk kebijaksanaan, keindahan, kesucian, kebudayaan dan oleh itu, menuntut kuasa bagi golongannya sendiri dan menganggap negaranya sebagai pusat dunia, dan satu-satunya yang mustahak – manakala di sekelilingnya berada bangsa-bangsa dunia, yang kafir dan gasar.⁵

Smith merumuskan demikian apabila beliau mencuba membezakan takrifan nasionalisme moden⁶ di satu pihak daripada takrifan nasionalisme berdasarkan fahaman

⁵ Anthony D. Smith, dalam R.Suntharalingam dan Abdul Rahman Hj. Ismail, *Nasionalisme : Satu Tinjauan Sejarah*, Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1985, hlm. 10.

⁶ Menurut Anthony D.Smith dalam bukunya *Theories of Nationalism*, “... on their basis, we may now define ‘nationalism’ as an ideological movement, for the attainment and maintenance of self-government and independence on behalf of a group, some of whose members conceive it to constitute an actual or potential ‘nation’ like others.” Menurutnya lagi, “...fundamentally, nationalism fuses three ideals : collective self-determination of the people, the expression of national character and individuality, and

yang dianuti oleh orang Yunani pada zaman purba di pihak yang lain. Menurutnya, fahaman masyarakat Yunani purba ini yang tertumpu kepada kelompok sendiri merupakan satu bentuk nasionalisme yang memang boleh digelar sebagai “etnosentrisme.” Ia terpisah jauh daripada bentuk nasionalisme moden yang digelar olehnya sebagai bercorak “polisentrik.”⁷

Dengan menyatakan persetujuan dan sokongan terhadap pandangan Smith ini, R. Suntharalingam seterusnya menegaskan bahawa etnosentrisme merupakan satu dorongan perjuangan yang berupaya memupuk semangat cinta akan tanah air, menggalakkan perpaduan rakyat berdasarkan ikatan keturunan dan kebudayaan, dan menyemai semangat menentang pencerobohan kuasa asing. Hal ini menurutnya dapat dibuktikan dengan sejarah awal orang Parsi, Yunani, China, Vietnam dan India.⁸

Berdasarkan beberapa takrifan berkenaan (yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 3), secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa unsur etnosentrisme rata-rata wujud dalam setiap etnik di dunia ini. Hal ini terserlah pada kecenderungan untuk meletakkan etnik masing-masing sentiasa melebihi dan mengatasi etnik lainnya (atas pandangan kekelompokan yang menjadi pusat kepada segala-galanya). Rasa cinta

finally the vertical division of the world into unique nations each contributing its special genius to the common fund of humanity.” Lihat Anthony D. Smith, *Theories of Nationalism*, Gerald Duckworth & Company Limited, 1971, hlm. 171 dan hlm. 23. Hal ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab 3.

⁷ Menurut Smith, bagi seorang pejuang nasionalis yang berhaluan polisentrik, ia bermula dengan andaian bahawa wujudnya banyak pusat kuasa yang sebenar; golongan-golongan lain juga mempunyai idea-idea dan institusi-institusi yang bernilai dan mulia. Sebagai sebuah negara, ia ingin menyertai keluarga negara-negara dan dengan demikian mencapai kedudukan yang sama rata dengan negara-negara lain. Lihat R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Hj. Ismail, 1985, hlm. 9-10.

⁸ R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Hj. Ismail, 1985, hlm. 10.

atau “bangga suku kaum” yang terbina atas sifat kecenderungan ini menjelaskan pula tentang masyarakat yang didirikan atas entiti kebudayaan yang sama mendapat “kekuatan dalaman” bagi mempertahankan tanah air atau warisan leluhur mereka daripada ancaman luar.

Walau bagaimanapun, dalam konteks semasa, unsur etnosentrisme itu cuba ditentukan oleh kuasa yang lebih dominan (dalam konteks ini contohnya seperti Amerika, yang menganggap dirinya sebagai kuasa besar). Dalam ertikata lain, kefahaman dan pemupukan unsur etnosentrisme ini seolah-olah ditentukan oleh satu kuasa di luar daripada sesuatu etnik atau kaum itu sendiri. Pandangan ini diutarakan oleh Judith Butler, yang mengaitkan pandangannya dengan peristiwa 11 September (serangan ke atas World Trade Centre, Amerika), yang akhirnya telah meletakkan Amerika dalam kedudukan yang ‘terancam’ lantaran rasa ketidakpuasan hati daripada orang yang dilabelkan oleh Amerika sebagai ‘*the others*.’⁹

Persoalannya, bilakah waktunya dan bagaimanakah unsur etnosentrisme yang terdapat dalam setiap suku etnik di dunia ini dapat dipraktiskan? Adakah ianya bersifat lakuan pendam semata-mata ataupun hanya wujud dalam minda bawah sedar sesuatu masyarakat itu? Yang lebih menarik lagi, apakah fahaman atau anutan ini hanya akan terhasil apabila berlakunya gugatan atau ancaman terhadap kepentingan sesuatu etnik? Berdasarkan premis bahawa perbezaan ideologi antara dua-dua pihak yang bertentangan akan mencetuskan konflik, maka diandaikan etnosentrisme ini dapat dikesani dengan

⁹ Lihat Judith Butler, *Precarious Life: The Powers of Mourning and Violence*, Verso, New York, 2004. Hal ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 3.

lebih nyata apabila pertentangan tersebut membawanya ke ‘permukaan’. Fenomena inilah yang antara lain menjadi sasaran dalam kajian ini. Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada beberapa syair perang yang merakamkan peristiwa peperangan yang pernah berlaku di rantau Alam Melayu sebelum abad ke-20, kajian ini merungkai persoalan-persoalan yang berkaitan dengan unsur etnosentrisme ini.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk :

1. Membicarakan konsep etnosentrisme Melayu dalam teks-teks syair sejarah (syair perang) pilihan yang dijadikan sebagai sumber asas dalam kajian ini,
2. Meneliti kaedah pengolahan pengarang dari pelbagai daerah dalam mencernakan idea-idea yang berkaitan dengan unsur etnosentrisme,
3. Mengenal pasti beberapa ciri / asas etnosentrisme yang wujud dalam budaya kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu,
4. Memberi penilaian kritis terhadap ciri-ciri asas etnosentrisme Melayu yang tercerna dalam syair-syair perang.

1.3 Permasalahan Kajian

Karya-karya pensejarahan Melayu Nusantara yang berbentuk syair telah mendapat perhatian ramai pengkaji dan sarjana sama ada setempat mahupun Barat. Kajian-kajian mereka ini secara umumnya bersifat menyeluruh dan bersifat kajian filologi terhadap naskhah-naskhah, atau yang berbentuk analisis. Antaranya ialah kajian tentang *Syair Perang Mengkasar* oleh C. Skinner (1963), *Syair Sultan Maulana* oleh Muhammad Yusoff Hashim (1980), *Syair Perang Cina di Monterado* oleh Arenawati (1989), *Syair*

Perang Siak oleh Donald J. Goudie (1989), *Syair Perang Johor* oleh Morni Harun (1992), *Syair Perang Inggeris di Betawi* oleh Zubir Idris (1995), *Syair Perang Siak* dan *Syair Perang Mengkasar* oleh G.L.Koster (1997), dan *Syair Peperangan Acheh* oleh Jelani Harun (2003).

Hasil kajian-kajian tersebut secara umumnya memperlihatkan sejarah awal perhubungan antara kuasa-kuasa Barat dengan masyarakat peribumi di Nusantara berlaku, tentang pergolakan-pergolakan yang timbul selepas itu, yang tidak sahaja berlaku antara penjajah dengan masyarakat peribumi, malah turut memperlihatkan pergolakan yang berlaku antara kerajaan yang muncul di rantau Nusantara.

Sumber-sumber yang diperoleh oleh para sarjana dan sejarawan, sama ada berbentuk manuskrip atau catatan sejarah, jelas memperlihatkan wujudnya pertembungan masyarakat peribumi dengan masyarakat lain, hasil daripada kolonialisme Barat atau perluasan kuasa sesebuah kerajaan. Pertembungan tersebut jelas memperlihatkan konflik budaya, pemikiran dan juga tamadun yang sangat berbeza, yang diakhiri dengan peristiwa peperangan antara kedua-dua pihak. Peristiwa peperangan (seperti yang tertera dalam kebanyakan judul judul syair sejarah) dalam hal ini dilihat sebagai jalan terakhir sebagai respons kepada kedatangan kuasa-kuasa Barat atau pengaruh luar yang menggugat kesejahteraan sosial masyarakat peribumi. Begitu juga, bagi pihak anak watan (masyarakat peribumi), mempertahankan tanah air daripada dominasi kuasa asing dilihat sebagai kewajipan yang tidak terelak. Diandaikan dalam situasi seperti inilah, elemen-elemen yang terdapat dalam pengertian etnosentrisme yang telah disentuh dalam bahagian awal perbincangan sebelum ini dapat dilihat dengan lebih jelas dan nyata. Ini

termasuklah pemilikan pandangan atau kebudayaan yang melebihi orang lain, semangat cinta akan tanah air, perpaduan sesama bangsa, semangat menentang penceroboh asing dan sebagainya

Sesuatu yang menarik dan penting untuk diberi perhatian dalam hal yang bersangkutan dengan persoalan etnosentrisme dalam masyarakat Melayu ini ialah adakah etnosentrisme hanya muncul dengan mendadak, yakni apabila masyarakat Melayu berdepan dengan situasi yang boleh mengganggu-gugat kepentingan mereka? Atau sebaliknya, adakah ia telah lama terbina dalam budaya hidup masyarakat Melayu? Sekiranya ia telah lama wujud dalam corak dan perlakuan hidup masyarakat Melayu, adakah pengaruh-pengaruh luar turut mempengaruhi pembentukan etnosentrisme Melayu ini? Sehubungan itu, data-data yang terdapat dalam syair perang yang merakamkan peristiwa peperangan antara etnik peribumi dengan kolonial penjajah, akan dibincang dan dianalisis bagi merungkai permasalahan ini.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk tujuan mengenal pasti serta menganalisis tentang semangat etnosentrisme (dalam kajian ini, etnosentrisme Melayu) boleh memberi pengaruh yang besar serta meninggalkan implikasi yang tersendiri sifatnya dalam pandangan sarwa jagat sesuatu suku kaum. Melalui bait-bait syair, dapat diperhalus bentuk-bentuk pemikiran yang berkait dengan semangat serta kecenderungan sesuatu suku kaum untuk mengangkat martabat suku kaum mereka agar sentiasa melebihi kaum yang lain. Hasil-hasil kesusasteraan seperti syair ini (dan juga bentuk-bentuk penulisan kesusasteraan

yang lain) adalah gambaran kepada hakikat sebenar yang berlaku dalam setiap etnik atau suku kaum di dunia, dan sama ada disedari atau tidak, ia sesungguhnya dapat dimanfaatkan bagi memupuk semangat cintakan negara sekiranya ia digunakan dengan cara yang sesuai.

Kajian ini juga penting untuk merungkai semula kerja pengarang silam dalam usaha mereka memupuk semangat cinta akan tanah air atau “bangga suku kaum”, khususnya kepada generasi yang terbabit. Dalam masa yang sama, kajian ini juga penting untuk melihat kebolehan pengarang silam daripada pelbagai daerah Nusantara mengolah data-data sejarah dalam bentuk puisi syair, yang antara lain merakamkan unsur etnosentrisme yang wujud dalam masyarakat peribumi bagi mempertahankan tanah air mereka dari dijajah oleh orang asing.

1.5 Skop Kajian

Seperti yang telah disebutkan, penelitian kajian ini berlegar pada unsur etnosentrisme yang terserlah dalam syair-syair perang Melayu. Sehubungan itu, perlu dinyatakan takrifan ‘dunia’ dan ‘wilayah Melayu’ yang diguna pakai dalam kajian ini. Bersabit hal ini, terdapat banyak pandangan yang diberikan oleh para sarjana berhubung takrifan ‘dunia’ dan ‘wilayah Melayu’, seperti yang dapat dijelaskan di bawah ini.

Apabila mentakrifkan tentang bangsa Melayu, Ibrahim Yaacob dalam tulisannya *Nusa dan Bangsa Melayu* turut menyinggung wilayah asal orang-orang Melayu yang ada kaitannya dengan wilayah sesuatu kesultanan Melayu masa silam. Menurutny :

Orang bangsa Melayu itu ialah orang-orang berasal keturunan penduduk asli di Negeri-negeri Melayu (Malaya) dan Pulau-pulau Melayu (Indonesia) yang beragama Islam. Orang ini menjadi rakyat kepada Sultan Melayu di negeri mana orang itu bertempat tinggal, hanya masa itu bangsa Melayu itu dibahagi-bahagikan lagi, iaitu Melayu-Jati; ialah orang-orang yang asal turun-temurun di Malaya; Melayu-Seberang, ialah orang-orang dari Kepulauan Melayu. Tetapi pada umumnya tidak ada bezanya antara jati dengan seberang itu, mereka itu diakui sebagai rakyat Sultan di negeri mana ia bertempat tinggal.¹⁰

Alfred Wallace pula dalam tulisannya pada tahun 1869, memerikan rantau Kepulauan Melayu sebagai mencakupi wilayah yang lebih luas lagi. Menurutnya, “*The Malay Archipelago to include the Malay Peninsula as far as Tenasserim, and the Nicobar Islands on the west, the Philippines on the north, and the Solomon Islands beyond New Guinea, on the east.*”¹¹

Menurut Zeus A. Salazar, merujuk kawasan yang diberikan oleh Wallace ini adalah kawasan terluas yang pernah dirujuk kepada orang Melayu. Menurut beliau (Salazar), rujukan yang lebih terhad merujuk kepada etnik Melayu yang bertutur dalam bahasa Melayu di Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan di bahagian-bahagian lain. Walau bagaimanapun, setelah dikenali sebagai gugusan Kepulauan India, kawasan barat Mikronesia dan New Guinea juga dirujuk sebagai sama ada gugusan pulau Melayu atau

¹⁰ Ibrahim Yaacob, *Nusa dan Bangsa Melayu*, Penerbit Al-Maarif, Jakarta, 1951, hlm. 10.

¹¹ Alfred Russel Wallace, *The Malay Archipelago: The Land of the Orang-Utan, and the Bird of Paradise : A Narrative of Travel With Studies of Man and Nature*, Graham Brash (pte) Ltd, Singapore, 1869, hlm. 2

Malaysia, yang kedua-duanya sama dengan kawasan Timur Jauh (kadang kala dianggap sebagai orang Oriental).¹²

Sarjana tempatan seperti Wan Hashim Wan Teh juga melihat Dunia Melayu dalam konteks yang lebih luas. Beliau mengatakan bahawa Alam Melayu telah wujud sejak akhir kurun Sebelum Masihi hingga beberapa abad pertama kurun Masihi. Antara kerajaan dalam Dunia Melayu tersebut termasuklah kerajaan Javadvipa di wilayah Kepulauan Melayu (Jawa dan Sumatera), kerajaan Champa dan Funan di wilayah Dunia Melayu benua (kini dikenali Semenanjung IndoChina) dan kerajaan Langkasuka di Segenting Kra; dan yang akhirnya membawa kepada pertumbuhan kerajaan-kerajaan di sepanjang pantai timur Semenanjung, kawasan utara dan barat Borneo, kawasan utara dan tengah Pulau Jawa dan pantai barat dan timur Pulau Sumatera. Kemuncak kepada pertumbuhan tamadun awal ini ialah perkembangan Empayar Seriwijaya (abad ke-7 - 14) dan Empayar Melaka (sepanjang abad ke-15).¹³ Menurutnya lagi, rumpun Melayu yang berasal dari wilayah yang dinyatakan itu seterusnya tersebar luas ke merata tempat, yakni di bahagian selatan Filipina, Famosa (Taiwan), Pulau Cocos (Australia), sekitar Kepulauan Pasifik (Kepulauan Easter, New Zealand, Marquesas, Society – Tahiti dan lain-lain, Hawaii) hinggalah ke Madagaskar dan Afrika Selatan.¹⁴

¹² Zeus A. Salazar, “Orang Melayu, Orang Malayan dan Tamadun Melayu : Suatu Konsep Budaya dan Antropologi di Filipina” dalam *Tamadun Melayu* (pngr. Ismail Hussein dan rakan-rakan), Jilid 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 17-18.

¹³ Wan Hashim Wan Teh, “Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu” dlm. Ismail Hussein dan rakan, *Tamadun Melayu : Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*, (Edisi Kedua), Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1997, hlm. 96.

¹⁴ Menurut Wan Hashim Wan Teh, kumpulan ras Melayu-Polnesia adalah kumpulan ras yang mendiami kawasan Gugusan Pulau Melayu, Polnesia dan Madagaskar. Di sekitar Kepulauan Pasifik, terdapat tiga kategori penduduk yang diklasifikasikan iaitu Polinesia, Melanesia dan Mikronesia. Kelompok yang paling hampir dengan keturunan Melayu dari segi bahasa pertuturan, warna kulit dan budaya ialah suku bangsa

Berdasarkan pandangan beberapa sarjana di atas, jelaslah bahawa Dunia Melayu dan wilayahnya adalah amat luas.¹⁵ Walau bagaimanapun, kajian ini tidaklah bermaksud untuk menyentuh kesemua wilayah berkenaan. “Melayu” yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada dunia dan wilayah “Nusantara” berdasarkan takrifan oleh Mohd. Dahlan Mansoer.¹⁶ Menurut beliau, istilah Nusantara tersebut digunakan sejak abad ketiga belas lagi, yang merujuk kepada rantau Asia Tenggara dan meliputi negara-negara ASEAN sekarang.¹⁷ Berdasarkan takrifan Mohd. Dahlan Mansoer berhubung wilayah “Nusantara” tersebut, maka kajian ini dibataskan kepada syair-syair perang¹⁸ yang mengisahkan peristiwa-peristiwa yang terangkum dalam wilayah berkenaan sahaja.

Polinesia yang mendiami Kepulauan Easter, New Zealand, Marquesas, Society dan Hawaii. Bukti-bukti arkeologi, linguistik dan budaya menunjukkan bahawa ketiga-tiga suku bangsa Melanesia, Mikronesia dan Polinesia ini berasal dari Asia Tenggara. Lihat Wan Hashim Wan Teh, “Dunia Melayu dan Tersebar Luasnya Rumpun Bangsa Melayu” dalam Mohd. Yusof Hasan, *Dunia Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 4-15.

¹⁵ Terdapat banyak pandangan oleh para sarjana berhubung wilayah Nusantara dan Asia Tenggara. Vlekke (1943), Coedes (1944), Harrison (1954), Hall (1954), Fatimi (1963), Naquib Al-Attas (1969) dan lain-lain lagi adalah antara beberapa nama yang telah memberikan sumbangan yang tidak sedikit berhubung perkara ini. Lihat B.H.M. Vlekke, *Nusantara : a History of the East India Archipelago*, Harvard University Press, Cambridge, 1943; G.Coedes, “The Indianized States of Southeast Asia”, University Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968; B. Harrison, *Southeast Asia : A Short History*, Macmillan & Co. Ltd., London, 1954; D.G.E. Hall, *A History of Southeast Asia*, Macmillan & Co. Ltd., London, 1954; Sayyid Quadratullah Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Malaysian Sociological Research Institute Ltd., Singapore, 1963; S.M.Naquib al-Attas, *Preliminary Statement On A General Theory of the Islamization of the Malaya-Indonesia Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969.

¹⁶ Istilah Nusantara tersebut merujuk pada rantau Asia Tenggara yang terdiri dari Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei dan Filipina. Lihat Mohd. Dahlan Mansoer, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 12.

¹⁷ ASEAN – Association of Southeast Asian Nations (Pertubuhan Bangsa-bangsa Asia Tenggara).

¹⁸ Kajian ini hanya merujuk manuskrip-manuskrip syair yang ditulis dalam bahasa Melayu atau Jawi Melayu.

Dari segi antropologi, Melayu dianggap sebagai salah satu kelompok manusia yang tergolong dalam kelompok ras Mongoloid cabang selatan.¹⁹ Walau bagaimanapun, tidak semua ahli antropologi bersetuju dengan pandangan bahawa orang Melayu anggota kepada kelompok Mongoloid. Noriah Mohamed dalam kajiannya mengengahkan pandangan yang dikemukakan oleh Coon dan Wan Hashim Wan Teh, yang mengatakan bahawa orang Melayu lebih sesuai dimasukkan dalam kelompok Malayo-Polinesia.²⁰ Menurut beliau (Noriah Mohamed), penggolongan kelompok Melayu ke dalam ras Malayo-Polinesia sebenarnya telah lama dilakukan dari sudut linguistik, yang lebih cenderung menggunakan istilah Austronesia untuk merujuk pada ras Malayo-Polinesia. Seterusnya beliau mengatakan, semua anggota kelompok manusia Austronesia secara am dikatakan keturunan daripada suatu induk yang sama berasal dari suatu tempat yang disebut “tanah asal.”²¹ Dari tanah asal yang tidak dapat dipastikan ini, kelompok Austronesia ini bergerak ke kawasan Nusantara dalam dua gelombang. Gelombang yang lebih awal ialah orang Melayu Proto yang dikatakan meninggalkan saki-baki orang asli seperti Jakun, Temuan dan Biduanda. Gelombang yang kemudian ialah orang Melayu Deutro yang menurunkan kelompok manusia Melayu dan bangsa besar Austronesia yang

¹⁹ Noriah Mohamed, *Sejarah Sosiolinguistik Bahasa Melayu Lama*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1999, hlm. 6.

²⁰ Lihat Coon, C. S, *The Living Race of Man*, Jonathan Cape, London, 1966 dan Wan Hashim Wan Teh, “Teori Migrasi dan AsaUsul Ras Melayu”, *Pemikir*, 1995, Julai-September : hlm. 32.

²¹ “Tanah asal” merujuk kepada tempat asal nenek moyang orang Austronesia dan hal ini masih diperdebatkan. Terdapat dua hipotesis berhubung hal ini iaitu Hipotesis /Teori Asia Tengah yang mengatakan orang Austronesia berasal dari satu tempat di bahagian selatan China manakala satu lagi hipotesis iaitu Hipotesis/Teori Nusantara yang mengatakan kelompok manusia Austronesia ini memang berasal dari daerah yang wujud di Nusantara. Lihat Noriah Mohamed, *Sejarah Sosiolinguistik...*, 1999, hlm. 12-14.

lain seperti peribumi di Sabah dan Sarawak (Kadazan, Dusun, Bajau, Iban, Melanau, dan lain-lain), Jawa, Bugis, Kampar dan sebagainya.²²

Menurut Noriah Mohamed, bukan semua manusia Austronesia Barat dapat dianggap sebagai Melayu. Orang Melayu hanya terdapat dalam ranah asli Melayu yang merangkumi Semenanjung Tanah Melayu, pantai timur Sumatera, seluruh pantai Kalimantan dan pulau-pulau Riau, Bangka, Belitung dan Natuna Besar. Ranah asli Melayu sebagaimana yang dimaksudkan dapat dirujuk dalam peta 2.²³


Berdasarkan pandangan daripada beberapa orang sarjana berhubung sama ada takrifan wilayah mahupun pengelompokan etnik Melayu ini, pengkaji menggunakan istilah ‘suku kaum’ yang mewakili semua etnik komuniti yang terdapat di rantau Alam Melayu. Hal ini bersesuaian dengan tujuan kajian, yakni untuk melihat unsur etnosentrisme dalam masyarakat Melayu.

Tanpa menafikan terdapat banyak teks syair perang, kajian ini hanya memfokuskan kepada data-data yang terdapat dalam tiga buah teks syair,²⁴ (keterangan koleksi syair-syair perang boleh dilihat dalam Bab 2). Teks-teks yang dimaksudkan ialah

²² Ibid., hlm.9.

²³ Ibid, hlm. 10.

²⁴ Pada asalnya, pengkaji turut memilih teks “Syair Perang Melaka” yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia sebagai salah satu data kajian. Namun, setelah teks selesai ditransliterasi, didapati penceritaannya lebih berkisar kepada pengkisahan raja-raja dan puteri-puteri Jawa, dan oleh kerana itu ia tidak digunakan dalam kajian ini.



Peta 1. Peta Dunia Melayu - Polinesia


Sumber: Wan Hashim Wan Teh, *Tamadun Melayu : Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 1997, hlm. 94

*Syair Perang Mengkasar, Syair Perang Menteng (Syair Perang Muntinghe) dan Syair Peperangan Aceh.*²⁵

Kriteria atau premis yang digunakan untuk memilih teks sebagai data kajian ialah kandungan pengisahan sesebuah syair. Syair yang dipilih untuk dijadikan teks kajian mengajukan penentangan sepenuhnya golongan peribumi terhadap golongan kolonial penjajah, khususnya dalam peristiwa peperangan yang membabitkan kedua-dua belah pihak. Hal ini adalah penting untuk memastikan gambaran jelas etnosentrisme pelbagai suku kaum di Nusantara berbeza sama ada daripada aspek pandangan mahupun nilai-nilai budaya hidup. Bersabit hal ini, seyogianya dinyatakan bahawa tidak semua syair yang menggunakan judul ‘perang’ mengisahkan peristiwa peperangan antara masyarakat peribumi dengan penjajah. Sebahagian daripadanya turut merakamkan kisah peperangan yang terjadi antara penjajah dengan kaum pendatang; malah terdapat juga peperangan yang berlaku antara etnik Melayu sendiri.

Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan di atas, *Syair Perang Mengkasar, Syair Perang Menteng (Syair Perang Muntinghe)*, dan *Syair Peperangan Aceh* dipilih sebagai data kajian. Kesemua syair tersebut merakamkan sejarah perjuangan suku kaum tertentu menentang penjajah. *Syair Perang Mengkasar* dan *Syair Peperangan Aceh* misalnya, masing-masing mengisahkan peristiwa perang antara pihak Melayu Mengkasar dan

²⁵ Teks *Syair Perang Mengkasar* adalah berdasarkan teks yang telah diterbitkan oleh C. Skinner (1963). Bagi teks *Syair Peperangan Aceh* pula, pengkaji menggunakan teks yang telah ditransliterasikan oleh Jelani Harun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (2001). Untuk teks *Syair Perang Menteng (Syair Perang Muntinghe)*, pengkaji menggunakan naskhah yang bernombor ML12, salinan yang diperolehi daripada Museum Pusat, Jakarta, Indonesia.



Peta 2. Rannah asli bahasa Melayu

Sumber: Amat Juhari, "Daerah penutur asli bahasa Melayu," *Jurnal Dewan Bahasa*, 1992, Februari:161

masyarakat peribumi Aceh menentang Belanda.²⁶ *Syair Perang Menteng* pula memaparkan kisah penentangan suku kaum Palembang terhadap Belanda di Pulau Sumatera.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, terdapat banyak lagi syair yang mengisahkan peristiwa peperangan di Alam Melayu. Misalnya, terdapat sejumlah syair yang memperihalkan penentangan etnik-etnik di rantau Nusantara terhadap penjajah; namun penentangan tersebut dilancarkan bukan atas kepentingan mereka melainkan atas desakan dan arahan pihak lain yang berkuasa atau menjadi penaung kepada sesebuah kerajaan Melayu. Di samping itu, terdapat juga syair yang menceritakan peristiwa peperangan antara pihak penjajah dengan kaum pendatang yang bermastautin di rantau Nusantara. Selain itu, terdapat juga syair yang mengisahkan peristiwa peperangan sesama pihak penjajah itu sendiri yang saling bermusuhan, dengan dibantu oleh masyarakat peribumi yang memihak kepada mereka atau dipaksa berperang dengan pihak-pihak yang terlibat. Malah, ada juga syair yang mengisahkan peperangan sesama suku kaum Melayu sendiri (sama ada perang saudara atau perang antara suku kaum Melayu yang berlainan) tetapi tidak dijadikan data kajian.

Syair Sultan Maulana misalnya, mengisahkan peperangan antara Siam (yang dibantu oleh Kedah) dengan Burma. Etnik Melayu Kedah terlibat dalam peperangan ini hanya kerana disebabkan Kedah adalah negara takluk kepada Siam. Malah,

²⁶ Walaupun tidak dinafikan bahawa syair ini mengisahkan pejuang Melayu Makassar yang terpaksa memerangi etnik Melayu yang lain seperti Bugis, Ternate, Buton dan Tunderu yang telah bekerjasama dengan Belanda, tetapi secara relatifnya syair ini mengisahkan penentangan masyarakat peribumi terhadap penjajah.

peristiwa peperangan antara Kedah dengan Burma juga berlaku jauh dari wilayah Kedah sendiri, iaitu di Pulau Salang, sebuah kawasan di selatan Siam. Sebagai negara takluk pada Siam, Kedah tidak mempunyai pilihan lain melainkan akur kepada penaungnya. Oleh itu, syair ini tidak dapat sepenuhnya menggambarkan etnosentrisme Melayu yang sebenar-benarnya, kerana pihak yang bermusuhan adalah antara Siam dan Burma.

Syair Musuh Kelantan pula mengisahkan peperangan saudara antara dua belah pihak yang saling bertelagah untuk menguasai tampuk pemerintahan di Kelantan setelah sultannya (Sultan Muhammad I) mangkat tanpa meninggalkan waris. Perebutan kuasa berlaku antara Raja Banggol (Bendahara) dengan Tuan Senik (anak saudara Sultan Muhammad I) yang mendapat bantuan dan pengikhtirafan kerajaan Siam. Peperangan yang berlaku sesama saudara ini akhirnya dimenangi oleh pihak yang mendapat bantuan Siam.

Berbanding *Syair Sultan Maulana* dan *Syair Musuh Kelantan*, pengisian dalam *Syair Perang Rokam* pula lebih menepati premis pemilihan teks kajian sepertimana juga *Syair Perang Mengkasar*, *Syair Perang Kaliwungu*, *Syair Perang Menteng* dan *Syair Peperangan Aceh*. Syair ini mengisahkan penentangan suku kaum Melayu di Serkam, Melaka terhadap Inggeris. Sungguhpun begitu, syair ini terlalu ringkas, iaitu hanya terdiri daripada 19 buah rangkap sahaja berbanding syair-syair lain yang terdiri dari ratusan dan ribuan rangkap (contohnya *Syair Perang Mengkasar* 534 rangkap, *Syair Peperangan Aceh* [229], *Syair Perang Menteng* [260], *Syair Musuh Kelantan* [954], *Syair Sultan Maulana* [1102] dengan pengisahan yang lebih bersifat menyeluruh).



Peta 3 : Kedudukan Wilayah Syair-Syair Perang yang Dikaji

Hal ini tidak memungkinkan pengkaji mendapat maklumat yang sewajarnya berhubung persoalan etnosentrisme, berbanding maklumat yang ditawarkan oleh syair-syair yang kandungannya lebih panjang dan menyeluruh pula sifatnya.

Syair Kompeni Welanda Berperang Dengan Cina, *Syair Perang Cina di Monterado* dan *Syair Perang Wangkang* pula mengisahkan peristiwa peperangan yang berlaku antara golongan pendatang (iaitu golongan bukan peribumi seperti kaum Cina) dengan penjajah Barat. *Syair Kompeni Welanda Berperang Dengan Cina* sebagai contoh, antara lain mengisahkan pemberontakan orang-orang Cina di Betawi pada tahun 1740-an serta perang Madura.²⁷ *Syair Perang Wangkang* pula mengisahkan peristiwa peperangan antara Kompeni Belanda dengan Wangkang (orang Cina) yang terjadi di Borneo. Walaupun syair ini bertemakan peperangan di Alam Melayu, namun ketiga-tiga syair tersebut tidak dapat dimanfaatkan memandangkan kajian ini hanya meneliti etnosentrisme Melayu terhadap pihak penjajah.

Syair Perang Inggeris di Betawi, yang juga dikenali sebagai *Syair Inggeris Menyerang Kota* atau *Syair Perang Betawi* menunjukkan sedikit kelainan kerana mengisahkan peristiwa peperangan antara sesama kolonial Barat di Betawi (Jakarta sekarang), yakni antara tentera Inggeris dengan Belanda (Perancis turut terlibat dalam peperangan ini apabila mereka berpihak kepada Belanda). Pembabitan pelbagai etnik

²⁷ Menurut Kern, syair ini mempunyai beberapa judul. Antaranya ialah judul *Cerita Welanda Berperang Dengan Cina* tanpa julukan Kompeni, yang dicatat oleh Van der Tuuk. Di Banjarmasin pula, syair ini lebih dikenali sebagai *Syair Hemop*. Menurutnya lagi, *Syair Hemop* adalah judul yang lebih sesuai kerana Van Hemop atau Imhoff memang tokoh utama atau hero dalam syair ini. Hal ini dapat dibuktikan apabila sebuah naskhah yang terdapat di Museum Jakarta berakhir dengan “tamatlah sudah surat Hemop terbilang” dan disebut lagi “Syair Hemop tamatlah sudah”. Lihat Liaw Yock Fang, 1993, hlm. 228.

Melayu dalam siri peperangan tersebut seperti Bugis, Jawa, Ambon dan Mandar terjadi ketika mereka diarahkan oleh pihak pemerintah ketika itu (Belanda) untuk sama-sama memerangi tentera Inggeris. Dalam hal ini, syair ini juga tidak dapat dijadikan sebagai data kajian memandangkan pertempuran yang melibatkan etnik Melayu tidak menggambarkan perjuangan mereka yang sebenar untuk mempertahankan tanah air daripada dicerobohi kuasa asing.

Berbanding dengan kesemua syair yang telah disentuh, *Syair Perang Johor* dan *Syair Perang Siak* pula memaparkan peristiwa peperangan yang terjadi dalam kalangan sesama suku kaum Melayu. *Syair Perang Johor* misalnya mengisahkan peristiwa peperangan tiga penjujur antara Portugis, Aceh dan Johor. Sungguhpun terdapat peristiwa peperangan antara Johor dengan Portugis, tetapi syair ini juga mengisahkan peperangan sesama etnik Melayu, yakni antara Johor dengan Aceh dalam konflik merebut penguasaan terhadap laluan perdagangan di perairan Selat Melaka. Malah pada suatu ketika, dikisahkan tentang Johor yang telah bersatu dengan Belanda bagi memerangi Portugis dan Aceh. *Syair Perang Siak* pula mengisahkan peperangan saudara yang berlaku antara pewaris-pewaris takhta kerajaan Siak. Persengketaan merebut takhta tercetus antara keluarga sayid-sayid (keturunan Raja Kecil) dengan keturunan Raja Mahmud yang berada dalam buangan. Sehubungan itu, kedua-dua syair ini juga tidak dapat memenuhi justifikasi yang telah ditetapkan sebagai premis pemilihan data kajian.

Demikianlah senarai syair yang memperlihatkan betapa banyaknya kisah peperangan yang dirakamkan oleh pengarang-pengarang silam. Kisah peperangan tersebut pula memperlihatkan pelbagai ragam dan sifatnya, menyebabkan proses